

# ورتا فنرشن Warta Penerangan



SEPTEMBER 2015







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**WARTA** Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

Isi Kandungan	Muka
Brunei - Thailand kukuhkan kerjasama penyiaran, penerangan	5
Brunei - Thailand meterai 'Letter of Transmittal'	7
Media ROK pelajari kepelbagaian Negara Brunei Darussalam	8
Taklimat Keselamatan Dokumen	10
NBD - Thailand kongsi maklumat bidang penerangan, penyiaran	12
Mesyuarat Pertama Bagi SOMRI WG-IMT	15
Program Sua Muka	16
Taklimat kenegaraan beri kefahaman	21
Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / bengkel / ceramah bagi bulan September 2015	22
Pegawai yang memberi taklimat	22
Latihan GEMS ePerformance Pengurusan Penilaian Prestasi	23
Pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Brunei - Thailand kukuhkan kerjasama penyiaran, penerangan



PARA delegasi dari Negara Brunei Darussalam dan Thailand di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-14 dalam sesi bergambar ramai.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September.- Brunei Darussalam dan Thailand terus mempertingkatkan persefahaman sosial dan budaya melalui pelbagai platform seperti program-program pertukaran televisyen dan radio, cetakan, pameran dan juga pertukaran kakitangan.

Kerjasama tersebut pasti mengukuhkan rangkaian-rangkaian penyiaran dan penerangan kedua-dua buah negara dan memberikan sumbangan yang paling penting kepada persahabatan yang erat di antara agensi-agensi pelaksanaan, di samping meningkatkan pemahaman dalam masyarakat kita.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos berucap demikian semasa merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-14 di Bangunan JPM.

Awang Haji Mohd. Rozan berharap sidang permesyuaratan ini akan berterusan bagi merancang dan menghasilkan program-program menarik mata dan telinga rakyat agar mereka menyaksikan dan mengalami kekayaan ekonomi, sosial, kebudayaan dan pelancongan di kedua-dua buah negara. Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam itu juga menjelaskan, muzik dan budaya boleh digunakan bagi meningkatkan perpaduan, keharmonian, dan persefahaman rakyat negara-negara kita dan meluas lagi kepada rakyat ASEAN.

Budaya katanya, memainkan peranan yang penting ke arah mengukuhkan kerjasama Komuniti ASEAN yang prihatin dan terus memainkan peranan



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa menyampaikan ucapan di Majlis Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-14 berlangsung di Bangunan JPM.

penting sebagai pamacu dan penggerak bagi pembangunan lestari ASEAN.

Usaha bersama Brunei-Thailand yang memanfaatkan budaya tambahnya, akan membantu dalam membentuk identiti kemanusiaan ASEAN sebagai teraju integrasi sosial dan orang awam serta panduan pengetahuan dan kecerdasan manusia.


Awang Haji Mohd. Rozan juga menyatakan, Brunei dan Thailand akan menyambut dua peristiwa penting dalam tempoh dua tahun ini dan berharap kedua-dua negara itu merancang sebuah pameran atau menghasilkan buku foto elektronik untuk dikongsi bersama dan mengadakan program pertukaran rancangan melalui televisyen, radio dan cetakan bagi

## 6 Warta Penerangan

meraikan dua upacara bersejarah itu. Sementara Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perhubungan Awam, selaku wakil Setiausaha Tetap Pejabat Perdana Menteri, Dr. Charoon Chaisorn dalam alu-aluannya percaya bahawa kerjasama dua hala itu akan banyak menyumbang kepada peningkatan integrasi serantau memandangkan Komuniti ASEAN yang baru akan menjelang dalam masa tiga bulan ini.

Menurutnya, Brunei memainkan peranan utama dalam perubahan digital di bawah rangka kerja ASEAN yang dijangka siap pada tahun 2020 nanti.

Memorandum Persefahaman (MoU) katanya, kini 14 tahun lamanya



SIDANG permesyuaratan membincangkan projek-projek dan kegiatan yang diungkayahkan bersama di dalam bidang kerjasama penyiaran dan penerangan dari kedua buah negara.



Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos bersama Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Charoon Chaisorn di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-14.

terjalin sejak dimeterai pada tahun 2001 lalu. Konteks serantau dan landskap media sentiasa pesat berkembang sepanjang dekad itu.

Mesyuarat bersama tahunan itu jelasnya, menyediakan forum yang bermanfaat bagi kakitangan dalam membuat ulasan dan membincangkan cara dan inti pati bagi meningkatkan kualiti kerja yang lebih baik kepada penonton dalam era digital.

Mesyuarat dua hari itu membincangkan projek-projek dan kegiatan yang diungkayahkan bersama dalam bidang kerjasama penyiaran dan penerangan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jabatan Penerangan bersama Jabatan Perhubungan Awam dan National Broadcasting Services of Thailand.

Hadir sama ialah Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad serta pegawai-pegawai kanan JPM.



DELEGASI dari Negeri Thailand (gambar atas dan bawah).




MAJLIS Makan Malam bersama delegasi dari negeri Thailand yang dihoskan oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos.



# Brunei - Thailand meterai ‘Letter of Transmittal’

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KETUA-KETUA Delegasi dari kedua buah negara bertukar dokumen ‘Letter of Transmittal’ di majlis penutup tersebut.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 September. - Penandatanganan ‘Letter of Transmittal’ dimeterai di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand pada Majlis Penutup Rasmi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-14.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri (JPM) ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, selaku

Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam.

Sementara bagi pihak Kerajaan Thailand pula ialah Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam, Dr. Charoon Chaisorn, selaku Ketua Delegasi Thailand yang juga mewakili Setiausaha Tetap, Pejabat Perdana Menteri Thailand.


Awang Haji Mohd. Rozan dalam ucapannya antara lain melahirkan rasa gembira terhadap mesyuarat yang mencapai kata sepakat bagi kedua-dua buah negara bagi melaksanakan beberapa program dalam bidang penyiaran dan penerangan pada tahun hadapan.

“Saya turut dimaklumkan ada kesinambungan daripada pertukaran lawatan kakitangan kerajaan dan media swasta di antara kedua-dua buah negara dan berharap pertukaran lawatan ini dapat mengeratkan lagi kerjasama dua hala yang juga boleh mempromosi budaya dan kehidupan orang Brunei yang sebenar,” tambahnya.

Mesyuarat berkenaan merupakan di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand mengenai kerjasama dalam bidang penerangan dan penyiaran.

Sidang mesyuarat dua hari itu telah membincangkan pelbagai agenda yang berhubung kait dengan bidang penyiaran dan penerangan di antara kedua-dua belah pihak.

**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bertukar cenderahati dengan Puan Usanee Srityanyarat, Pengarah Eksekutif Pejabat Luar, Jabatan Perhubungan Awam Thailand.



# Media ROK pelajari kepelbagaian Negara Brunei Darussalam

Oleh : Haniza Abdul Latif, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nooratini Haji Abas, Aimi Sani, Nurul Nadzirah Haji Mahadin, Hajah Norizan Mahal

Foto : Masri Osman, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pengiran Amirulnizam Pengiran Haji Mohd Ali, Azmah Haji Ahad, Dayangku Nur Hafilah Pengiran Osman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 September. - Seramai sembilan wartawan dari Republik Korea (ROK) termasuk Setiausaha Ketiga dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ROK berada di Negara Brunei Darussalam.

Lawatan berkenaan merupakan Program Pertukaran Lawatan Media ROK ke ASEAN (Korean Media People's Visit to ASEAN Countries) yang menjadi salah satu projek di bawah ASEAN-COCI yang bertema 'Enhancing the ASEAN-ROK Community through Culture'.

Program lawatan bermula dengan kunjungan kepada Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan seterusnya berpeluang mendengarkan taklimat mengenai Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan pada 7 September 2015.

Rombongan media ROK diketuai oleh Mr. Hwang Gyutae, Setiausaha Ketiga, Kementerian Hal Ehwal Negeri ROK itu terdiri daripada wartawan daripada Voice of People, BBS Channel, Kukmin Daily, JTBC, MBN, PBC Channel, Hankook Daily dan Segye Daily.

Ketibaan rombongan di Jabatan RTB, telah dialu-alukan oleh Pegawai Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Awang Hiryandy @ Muhammad Mahdi bin Haji Mohd. Yassin.

Semasa lawatan rombongan diberikan taklimat tentang struktur dan peranan RTB sebelum dibawa melawat ke beberapa bahagian termasuk studio radio dan balai berita.

Pada sebelah petang pula, rombongan membuat lawatan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KKBS). Ketua Pusat Inovasi Industri Halal, KKBS, Awang Haji Sabri bin Haji Mohd. Taha menyampaikan taklimat bertajuk 'Prospek Makanan dan Bioteknologi Brunei Darussalam' kepada rombongan media ROK.

Menurut beliau, pasaran halal mempunyai potensi besar di dunia yang mana saiz makanan halal global menurut benua dianggarkan sebanyak USD634 bilion



ROMBONGAN media ROK bergambar kenangan sempena lawatan ke Jabatan Penerangan.



MEDIA Korea semasa membuat lawatan ke Bahagian Berita di RTB.

dengan benua Asia menduduki tempat teratas. Produk-produk yang dikeluarkan oleh Jenama Brunei Halal telah pun dipasarkan di dalam dan juga di luar negara.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa Brunei Darussalam mempunyai lokasi yang strategik yang mana ia adalah sebagai hub pemprosesan makan halal dan bioteknologi bagi ASEAN dan China kerana kekuatan logistiknya dan rakan kongsi pemaju pelabuhan, di samping pusat bagi 'maritime silk road' Abad Ke-21 di Asia Tenggara dan EAGA.

Lawatan hari pertama diakhiri dengan Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, di Mangrove Paradise Resort Brunei.

Pada 8 September 2015, rombongan media dari ROK dibawa melawat ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan The Brunei Times.

Ketika di KKBS, Rombongan dihiburkan dengan persembahan gulingtangan dan tarian 'Alai Asyik' dan juga menyaksikan demonstrasi cara-cara menambat dastar dan menapih sinjang.

Di hari terakhir program lawatan, rombongan media ROK membuat lawatan ke Tamu Kianggeh serta Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Pertukaran lawatan ini bertujuan untuk membolehkan media dari ROK untuk mempelajari tentang kepelbagaiannya di Negara Brunei Darussalam dan meningkatkan kefahaman mereka tentang potensi untuk kerjasama dua hala pada masa akan datang.

Program ini juga diharatkan akan dapat mendorong penglibatan yang lebih aktif tentang kerjasama sosioekonomi di antara kedua-dua buah negara dan meningkatkan 'sense of friendship' di antara ASEAN dan ROK yang setentunya akan menggalakkan lebih banyak peluang kerjasama dalam pelbagai bidang.



RONBONGAN media ROK begambar ramai bersama Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.



PARA media Republik Korea bergambar kenangan bersama Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid dan pegawai-pegawai dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



LAWATAN ke KKBS merupakan salah satu program sepanjang lawatan ke negara ini.



ROMBONGAN media ROK bergambar kenangan semasa lawatan ke The Brunei Times.



Wartawan ROK ketika membeli hasil kraf tangan di Tamu Kianggeh.

# Taklimat Keselamatan Dokumen

Oleh: Unit Latihan dan Penyelidikan  
Foto : Haji Masamaleh Haji Mohd Ali, Mohammad Arif Metali



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ketika mendengarkan Taklimat Keselamatan Dokumen pada hari pertama.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 September. - Seramai 125 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengikuti Taklimat Keselamatan Dokumen, berlangsung di Auditorium, Jabatan Penerangan pada 19 September dan 21 September.

Taklimat Keselamatan Dokumen yang disampaikan oleh Dayang Hajah Norhayati binti Haji Md Yussof, Pegawai Staf Kanan dan Dayang Rafidah binti Mohammad, Penolong Pegawai Staf Tingkat I dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN). Majlis juga diselajurkan dengan penandatanganan Sijil Pengakuan Akta Rahsia Rasmi (OSA-1) yang disaksikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan. Sesi taklimat 19 September disaksikan oleh Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan manakala sesi 21 September disaksikan oleh Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Objektif taklimat diadakan ialah untuk memberikan kesedaran pegawai dan kakitangan mengenai kepentingan menjaga kerahsiaan maklumat kerajaan, selain memperkenalkan tatacara perlindungan keselamatan.

Di samping itu taklimat juga memberi pengetahuan tentang prosedur pengurusan bagi dokumen yang dikelaskan supaya lebih teratur dan bersistematis.

Jika Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggal 153) dilanggar dan jika sabit kesalahan, maka seseorang itu boleh dijatuhan hukuman, iaitu hukuman penjara tidak lebih dari dua tahun, dan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.



TAKLIMAT Keselamatan Dokumen disampaikan oleh Dayang Hajah Norhayati binti Haji Md Yussof, Pegawai Staf Kanan dan Dayang Rafidah binti Mohammad, Penolong Pegawai Staf Tingkat I. dari JKDN.



SESI Mengangkat Sumpah pada hari kedua Taklimat Keselamatan Dokumen diketuai oleh Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad, Ketua Penerangan Cawangan Temburong yang disaksikan oleh Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pemangku Pengarah Penerangan.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyaksikan Sesi Mengangkat Sumpah Akta Rahsia Rasmi (OSA-1) yang diketuai oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, Ketua Penerangan Cawangan Tutong pada 19 September 2015.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa Sesi Mengangkat Sumpah beramai-ramai di hari pertama Taklimat Keselamatan Dokumen.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ketika mendengarkan Taklimat Keselamatan Dokumen pada 21 September 2015 (gambar kiri dan kanan).



SESI Mengangkat Sumpah beramai-ramai pada hari kedua Taklimat Keselamatan Dokumen di Auditorium, Jabatan Penerangan (gambar kiri dan kanan)

# NBD - Thailand kongsi maklumat

Oleh: Wan Sahran Wan Ahmadi, Dayangku Siti Redzaimi Pengiran Haji Ahmad, Dayangku Vivy Khartini Mohd. Hamir, Nooratini Haji Abas, Aimi Sani, Mariani Haji Abdul Ghani, Hajah Norizan Maha Foto : Haji Ariffin Haji Mohd Noor, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pengiran Ami Dayangku Nur Hafilah Pengiran Osman, Mohd. Mahdi Haji Morsidi



GAMBAR ramai rombongan pegawai penerangan dan media dari Thailand bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 Oktober. - Hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand terus diperkuuhkan dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama dan antara yang menjadi perhatian kedua-dua belah pihak ialah bidang Penerangan dan Media Cetak.

Seramai lima orang pegawai penerangan dan media dari Jabatan Perhubungan Awam Thailand yang berada di Negara Brunei Darussalam selama lima hari bermula 28 September yang lalu menamatkan lawatan ke negara ini.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah menerima lima orang pegawai Jabatan Perhubungan Awam Thailand yang diketuai oleh Pengarah Media dan Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Luar Negeri Thailand, Jabatan Perhubungan Awam, Puan Valeerat Sakornphan pada 29 September yang lalu.

Pada lawatan tersebut, rombongan diberi taklimat ringkas mengenai peranan Jabatan Penerangan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana Menteri juga menerima kunjungan rombongan Thailand yang mereka dialu-alukan oleh

Pegawai Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Awang Hiryandy @ Muhammad Mahdi bin Haji Mohd. Yassin. Sementara di RTB, rombongan diberikan taklimat tentang struktur dan peranan RTB sebelum dibawa melawat ke beberapa bahagian termasuk studio radio dan balai berita.

Pada sebelah petang, rombongan meneruskan lawatan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Rombongan delegasi diberikan penerangan mengenai struktur dan organisasi KKBS serta sejarah penubuhan kementerian tersebut yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Awang Khalid bin Md. Noor. Pada lawatan itu, rombongan juga dihiburkan dengan persembahan gulintangan dan tarian 'Alai Asyik' oleh Kumpulan Senandung Budaya.

Selain itu, rombongan berpeluang melihat secara lebih dekat tentang alat-alat yang digunakan dalam persembahan tersebut iaitu gulintangan, tawak-tawak, gong, canang, gandang labik dan seterusnya menyaksikan demonstrasi cara-cara menambat dasar dan menapih sinjang.

Rombongan pegawai penerangan dan media Thailand berkesempatan meninjau perkembangan



SESI bergambar ramai bersama Rombongan Penerangan dan Media dari Thailand.



PEGAWAI penerangan dan media dari Jabatan Perhubungan Awam Thailand semasa ditunjuk ajar cara Menapih Sinjang Kebangsaan.

# dit bidang penerangan, penyiaran

Malessa Pengiran Ibrahim,  
I, Nurul Nadzirah Haji Mahadin  
irulnizam Pengiran Haji Mohd. Ali,



i-pegawai kanan di Jabatan Penerangan.

Daerah Tutong pada lawatan hari kedua. Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Daerah Tutong (JDT), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya telah mengalu-alukan rombongan tersebut.

Semasa lawatan, rombongan diberikan taklimat ringkas mengenai masyarakat dan profil Daerah Tutong yang disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat I, JDT, KHEDN, Dayang Fathin Naquiah binti Haji Yaakub yang antara lain menerangkan mengenai keluasan, profil dan penduduk Daerah Tutong. Sejurus sesi taklimat, rombongan dibawa melawat ke sekitar jabatan berkenaan dan seterusnya dibawa melawat ke Hanna Soy Sendirian Berhad dan Golden Corporation Sdn. Bhd.

Jabatan Mufti Kerajaan juga menerima lawatan daripada rombongan selepas lawatan mereka ke Daerah Tutong. Sejurus tiba, rombongan dibawa melawat ke beberapa tempat menarik yang memperkenan beberapa koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, artifak bersejarah, mushaf-



PEGAWAI Tugas-tugas Khas, JDT, KHEDN, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya bergambar kenangan bersama rombongan Pegawai Penerangan dan Media dari Thailand.



ROMBONGAN pegawai penerangan dan media dari Thailand bergambar ramai semasa lawatan ke kilang Hanna Soy Sdn. Bhd.



PEGAWAI Penerangan dan Media dari Jabatan Perhubungan Awam Thailand bergambar kenang-kenangan semasa membuat lawatan ke KKBS.

PEGAWAI dari Jabatan Mufti Kerajaan semasa memberikan penerangan mengenai dengan bahan-bahan pameran yang terdapat di salah satu galeri di Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan.



PARA delegasi dari negara Thailand mengabadikan gambar ramai di pekarangan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

mushaf serta manuskrip seperti Galeri Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Balai Pameran Mushaf, Tongkat dan Tasbih.

Program lawatan diteruskan lagi ke beberapa tempat meneraik, iaitu Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Pusat Latihan Pertukangan dan Kesenian Tangan Brunei, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Taman Agro-Teknologi dan Tamu Kianggeh.

Sebelum berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (LTAB), Puan Valeerat Sakornphan berkata, negara ini mempunyai potensi untuk terus maju dan membangun di dalam bidang pelancongan.

Jelasnya, negara ini mempunyai tempat-tempat yang menjadi perhatian dan tarikan pelancong luar untuk melihat secara lebih dekat lagi tentang keunikan tradisi dan budaya Negara, di samping menambah pendapatan ekonomi.

Beliau juga berharap hubungan kedua-dua buah negara akan terus terjalin dan menikmati kerjasama dalam pelbagai bidang masing-masing, di samping dapat berkongsi maklumat terutama dalam bidang penerangan dan penyiaran.

Program Pertukaran Lawatan dihasilkan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan kedua-dua buah negara ke arah memelihara, meningkatkan dan mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.



ROMBONGAN menyaksikan pameran di Muzium Maritim.



DELEGASI bergambar ramai di Taman Agro Teknologi Brunei ketika membuat lawatan ke sana.

# Mesyuarat Pertama Bagi SOMRI WG-IMT



Oleh & Foto : Unit Hal Ehwal Antarabangsa

HANOI, VIET NAM, Selasa, 22 September - Mesyuarat Pertama Pegawai-pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan bagi Kumpulan Kerja Maklumat, Media dan Latihan (1st SOMRI Working Group on Information, Media and Training - 1st SOMRI WG-IMT) telah diadakan pada 21-22 September 2015 di Hanoi, Viet Nam.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Pengarah Penerangan; Awang Abdul Karim bin Hamdan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan dan Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Md Kifli, Jurutera Pengawas dari Radio Televisyen Brunei. Mesyuarat yang bermula pada 21 September ini juga turut dihadiri oleh wakil dari Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Viet Nam dan ASEAN Sekretariat.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Mr. Trieu Minh Long, Timbalan Ketua Pengarah, Kementerian Penerangan dan Komunikasi (MIC) Viet Nam manakala Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad telah dilantik selaku Naib Pengerusi.

Antara agenda yang dibincangkan semasa mesyuarat ialah perkara berkaitan dengan sektor Maklumat, Media dan Latihan seperti rangka strategi kerja dan aktiviti berkaitan dengan media sosial yang bertujuan untuk menyokong dasar-dasar pembangunan Komuniti ASEAN 2015. Turut dibincangkan ialah mengenai langkah-langkah dan cara-cara untuk mengukuhkan tahap perlindungan orang ramai mengenai kandungan berbahaya dari internet yang boleh menjelaskan keamanan sesebuah negeri.



MESYUARAT 1st SOMRI WG-IMT dipengerusikan oleh Mr. Trieu Minh Long dan Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Keutamaan di bidang latihan Penerangan dan Media juga merupakan perkara yang diberikan perhatian semasa mesyuarat. Negara Brunei Darussalam mengutamakan bidang-bidang seperti meningkatkan kepakaran penulisan kewartawanan, penyebaran maklumat yang cepat melalui media tradisional dan baru, pengurusan platform sosial media yang efektif dan untuk menjadi satu agensi yang mengeluarkan sumber-sumber maklumat yang dipercayai.

Perwakilan untuk SOMRI WG-IMT juga berpeluang dibawa ke Kementerian Penerangan dan Komunikasi untuk menghadiri pelancaran ASEAN-Vietnam Portal.

Mesyuarat ke-2 bagi SOMRI WG-IMT akan diadakan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada penghujung bulan April 2016 dengan Negara Brunei Darussalam akan menjadi penggerusi mesyuarat berkenaan.

# Program Sua Muka

Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad, Dayangku Nur Hafilah Pengiran Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain, Mohammad Mahdi Haji Marsidi



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Nordin bin Haji Awang Bakar, Ketua Kampung Jaya Setia / Kampung Jaya Bakti, Pemangku Ketua Kampung Burong Pingai Berakas pada 5 September 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Pengiran Roslan bin Pengiran Tuah, Ketua Kampung Delima Satu, Pemangku Ketua Kampung Serusop pada 5 September 2015.



PROGRAM Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Melalui program ini Jabatan mendapatkan maklum balas mengenai perkembangan kampung dan isu-isu yang berbangkit. Maklumat kampung disiarkan di akhbar Pelita Brunei iaitu melalui ruangan Kenali Negara Kitani. Isu-isu yang berbangkit dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk tindakan masing-masing. Dengan adanya program ini ia akan dapat membina dan mengukuhkan minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, Raja dan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Pengarah Haji Mokti bin Md Salleh, Penghulu Mukim Tamoi, Pemangku Ketua Kampung Sumbiling Lama / Kampung Bukit Salat pada 10 September 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Abdul Wahab bin Abd Rahman, Ketua Kampung Ujong Bukit / Kampung Limbongan pada 15 September 2015.





PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Abd Rahman bin Haji Merusin, Penghulu Mukim Bangar, Daerah Temburong pada 15 September 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Abd Momin bin Haji Bini, Ketua Kampung Pengiran Tajuddin Hitam / Kampung Pengiran Kerma Indera Lama pada 17 September 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Jainih bin Haji Tahir, Ketua Kampung Batang Tuau, Daerah Temburong pada 17 September 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Tarip bin Haji Asgar, Ketua Kampung Tamoi Tengah / Kampung Tamoi Ujong pada 22 September 2015.





PROGRAM Sua Muka di kediaman Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belingos, Daerah Temburong pada 22 September 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Mohd Saiful bin Abdullah Anja, Ketua Kampung Kiudang Mukom, Daerah Tutong pada 29 September 2015.

# Taklimat kenegaraan beri kefahaman

Oleh & Foto :  
Noraisah Muhammed



**K**UALA BELAIT, Selasa, 22 September. - Jabatan Penerangan meneruskan taklimat mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' bertujuan meningkatkan kefahaman dan semangat patriotisme para pelajar mengenai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Seramai 230 pelajar Tahun 8 dan 9, Pemangku Pengetua, Timbalan Pengetua serta guru Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait telah berkesempatan mendengar taklimat berkenaan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan Cawangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Terdahulu rombongan Jabatan Penerangan telah dialu-alukan oleh Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait, Awang Osman bin Rajap.

Program itu adalah salah satu usaha yang diteruskan oleh Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara dan program serupa akan dilaratkan ke seluruh sekolah-sekolah rendah di negara ini sebagai lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa.

Semangat cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara perlu disemai di peringkat generasi muda terutama murid-murid sekolah rendah agar dilatih untuk memiliki semangat patriotik mantap dan taat setia yang jitu dan kental yang tidak pernah akan goyah untuk menghadapi apa jua cabaran yang boleh memudaratkan bangsa dan

PENOLONG Pegawai Penerangan dari Penerangan Cawangan Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar ketika menyampaikan taklimat mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.



negara merupakan rasional yang harus ada di dalam jiwa.

Guru-guru dan murid-murid sekolah berkenaan juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara' dan sesi taklimat dimeriahkan dengan acara menjawab kuiz kenegaraan mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan hasil dari tumpuan mereka ketika mendengar taklimat.

Program diakhiri dengan sesi bergambar ramai yang didahului dengan penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz dan menyerahkan cendera kenangan kepada pihak sekolah yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Dareah Belait, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid kepada Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Awang Osman bin Rajap.



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang mendengarkan taklimat berkenaan.



**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / taklimat pada bulan ini:**

<b>Nama</b>	<b>Kursus / Bengkel / Ceramah</b>	<b>Tarikh</b>
1. Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini	Program Penempatan Kerja di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Malaysia	1 September hingga 31 Disember 2015
1. Awang Mawardi bin Haji Mohammad 2. Awang Musa bin Mohidin 3. Awang Kassim bin Haji Abd Rahman 4. Awang Haji Dayang bin Haji Kasim 5. Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya 6. Awang Haji Md. Hassan bin Haji Ismail 7. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail 8. Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibah Hanim binti Pengiran Haji Bakar 9. Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat 10. Awang Abdul Karim bin Hamdan 11. Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi 12. Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar 13. Awang Ah Chua bin Bangau 14. Awang Mohd Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya	Latihan GEMS ePerformance Pengurusan Penilaian Prestasi (Sesi Pertama)	3 September 2015
15. Dayang Siti Mazfaizura binti Maikal	Asas Etika Mesyuarat	7 - 8 September 2015
16. Awang Safri bin Haji Talip	Rukun Akhlak & Etika Kerja Perkhidmatan Awam	9 - 12 September 2015
17. Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar 18. Awang Azman bin Haji Abdul Rahim 19. Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid 20. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Haji Ramli 21. Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani 22. Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit 23. Awang Mohammad Hisyam bin Idris 24. Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad 25. Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris 26. Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman 27. Awang Arzi bin Haji Durhman 28. Awang Haji Ahmad bin Haji Salim 29. Awang Haji Kamaran bin Haji Bungsu 30. Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh 31. Awang Haji Masrin bin Baharin 32. Awang Aliahmad bin Awang Achee	Latihan GEMS ePerformance Pengurusan Penilaian Prestasi (Sesi Kedua)	14 September 2015
33. Awang Mohammad Arif bin Matali	Perkhidmatan Pelanggan Yang Berkualiti	14 - 17 September 2015
34. Dayang Ramlah binti Md. Nor 35. Awang Mohd Nor Amirudin bin Haji Brahim 36. Awang Haji Abd Azim bin Haji Tujoh	Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	14 - 22 September 2015
37. Awang Musa bin Mohidin	Fundamental of Negotiations	15 - 17 September 2015
38. Dayang Siti Norasilah binti Haji Awang Asli 39. Awang Rahmat Shukurillah bin Harith	Asas Komunikasi	15 - 17 September 2015
40. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Latihan GEMS ePerformance Pengurusan Penilaian Prestasi (Sesi Ketiga)	16 September 2015
41. Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan	Taklimat Akta Rahsia Rasmi OSA-1	19 September 2015 dan 21 September 2015
42. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Managing Team Creativity	21 - 23 September 2015
43. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Risk Management	29 September - 1 Oktober 2015

**Pegawai Yang Memberi Taklimat**

Taklimat 'Sistem Pentadbiran Kerajaan' disampaikan oleh Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Pegawai Penerangan semasa 'Kursus Induksi bagi Pegawai dan Kakitangan Yang Baru Berkhidmat' di Institut Perkhidmatan Awam pada 16 September 2015.

# Latihan GEMS ePerformance Pengurusan Penilaian Prestasi

Oleh & Foto :  
Unit Latihan & Penyelidikan



Latihan GEMS ePerformance yang diadakan di Bilik Delima, Bahagian GEMS, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 3 September 2015.

Penilaian Prestasi kini dapat dilaksanakan melalui Sistem Pengurusan Pekerja Kerajaan (*Government Employee Management System - GEMS*) bagi membolehkan Pegawai Penilai dan Pegawai Yang Dinilai untuk melengkapkan penilaian prestasi bila-bila masa dan di mana sahaja.

Ke arah memudahkan proses penilaian prestasi itu nanti, pegawai-pegawai kanan dan ketua-ketua bahagian dan unit di Jabatan Penerangan telah mengikuti latihan tersebut di Bilik Delima, Bahagian GEMS, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 3 September, 14 September dan 16 September yang lalu.



ANTARA pegawai-pegawai yang hadir di Latihan GEMS ePerformance pada 14 September 2015 (gambar kiri dan kanan).

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada tiga orang kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:



Awang Nordy bin Tabong  
Jawatan : Pembantu Pegawai Luar  
Penerangan  
Tarikh melapor : 1 September 2015



Awang Haji Sufri bin Haji Jamil  
Jawatan : Pembantu Pegawai Luar  
Penerangan  
Tarikh melapor : 1 September 2015



Awang Md. Hafizhuddin bin Tasad  
Jawatan : Juruteknik Foto Tingkat II  
Tarikh melapor: 14 September 2015

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept\_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Fax : 2382242